

14/08/2002

Utar ambil ramai pelajar pelbagai kaum pada 2003

KUALA LUMPUR, Selasa - Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) akan mengamalkan dasar terbuka dalam pengambilan pelajarannya dalam usaha mewujudkan universiti berbilang kaum, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, Utar tidak akan melaksanakan sistem kuota seperti yang diamalkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sebaliknya akan berusaha mengambil lebih ramai pelajar pelbagai kaum mulai tahun depan.

"Jika kita melaksanakan kuota, ia akan mengikat jumlah kemasukan pelajar kaum lain. Utar terbuka kepada semua pelajar. Tiada had untuk sesiapa pun.

"Dengan itu, bukan saja pelajar Cina akan memohon tetapi juga pelajar Melayu, India, Kadazan dan Iban. Kami mengalu-alukan semua pelajar pelbagai kaum," katanya selepas Utar dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Utama, Kolej Tunku Abdul Rahman di sini, hari ini.

Dr Ling yang juga Pengerusi Majlis Utar, bagaimanapun berkata, Utar kurang mendapat perhatian pelajar kaum lain dan kekurangan maklumat mengenai universiti itu adalah antara faktor pengambilan sesi pertamanya membabitkan sebilangan besar pelajar Cina.

Sehubungan itu, beliau berkata Utar memerlukan bantuan kaunselor di semua sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar mengenai universiti itu dan kursus yang ditawarkan.

Beliau berkata, langkah lain yang diambil untuk menarik kemasukan lebih ramai pelajar kaum lain ialah memastikan yuran pengajian lebih murah berbanding institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) lain.

Mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC), Dr Ling berkata, semua parti politik Cina akan berbincang mengenai isu itu selepas mendapat pandangan semua pihak.

Beliau menegaskan bahawa isu itu tidak harus dibincangkan secara terbuka kerana bimbang dipolitikkan pihak tertentu sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat pelbagai bangsa.

Sementara itu, Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, menasihatkan lebih 100,000 alumni Kolej Tunku Abdul Rahman supaya kembali menyumbang tenaga dan wang untuk pembinaan Utar.

Beliau yakin pihak lain khasnya masyarakat Cina akan turut membantu Utar berkembang dan berjaya seperti Kolej Tunku Abdul Rahman.